

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Fitrah kejadian manusia di atas muka bumi ini mempunyai matlamat yang jelas dan nyata yang telah ditetapkan oleh Allah sebagai khaliq iaitu yang maha Maha Pencipta. Tugas utama yang wajib dilakukan ialah beribadat kepada Allah malah seluruh kehidupan dikira ibadah selaras menepati tuntutan syarak. Firman Allah dalam Surah Azzariyat ayat 56 yang bermaksud:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ\*

*“Dan (Ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku”*

Melalui ayat ini jelas difahami bahawa tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk beribadah dan beramal kepada Allah SWT yang Maha Pencipta. Setiap amalan manusia akan dihisab untuk mendapat balasan yang setimpal terhadap segala amalan Islam yang telah dilakukan. Maka jelaslah untuk melakukan amalan-amalan Islam ini hendaklah didorong dengan tanggungjawab dan kekuatan keimanan yang mantap kerana ianya dapat memberi impak yang berkesan terhadap mereka yang melaksanakannya.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Islam adalah agama yang syumul dan lengkap dalam segenap bidang kehidupan sama ada dalam konteks akidah, ibadah mahupun akhlak sahsiah. Kesempurnaan ini jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang bukan hanya menekankan kepada spiritual semata-mata bahkan meliputi segenap bidang kehidupan. Namun kesempurnaan tersebut bukanlah sesuatu yang dapat digarap dengan mudah, sebaliknya ia memerlukan suatu proses yang berpanjangan iaitu melalui pembelajaran serta pengajian.

Seorang pelajar muslim perlu sentiasa membuat muhasabah serta mengenal pasti segala kekurangan serta kelemahan bagi mengatur langkah diri. Amalan–amalan Islam adalah ibadah seorang hamba kepada penciptaNya. Ianya dilakukan oleh hambanya dengan tujuan mencapai ketinggian sahsiah untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Setiap seorang yang beragama Islam mahukan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Disamping itu juga kehidupan seorang pelajar tidak terlepas untuk mencari ilmu kerana ianya adalah suatu perkara yang semestinya dituntut oleh agama Islam. Sebagai seorang pelajar yang beragama Islam hendaklah sentiasa bersedia mengadakan perhubungan dengan Allah yang Maha penyayang lagi maha pemurah.

Semakin pesat arus pembangunan dan berkembangnya sebuah negara dengan pelbagai ciptaan sains dan teknologi semakin luas keruntuhan akhlak, gejala social, jenayah dan keganasan dalam kalangan pelajar sekolah. Pelajar adalah remaja yang bakal menjadi generasi pelapis masa depan. Malaysia kini mempunyai 28.3 juta penduduk dengan

bilangan lelaki melebihi wanita, demikian menurut laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010. Dari sudut sebuah negara, remaja mempunyai peranan untuk menyumbang terhadap pembangunan, kemajuan dan pemodenan.

Banyak pihak memperkatakan tentang permasalahan sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Antaranya masalah sosial yang membabitkan pelajar yang telah dikenal pasti ialah pergaulan bebas, lari dari rumah, lumba haram dan penglibatan pelajar dalam kes buli, masalah lepak, dan mencuri. Keadaan ini amatlah mendukacitakan kerana ia menunjukkan peningkatan berterusan dan berada ditahap membimbangkan.

Dari itu amalan-amalan Islam seperti solat wajib dan sunat, puasa wajib dan sunat, berzikir, berselawat, bersedekah, membaca Al-Quran serta berdoa dapat membentuk kesempurnaan sahsiah pelajar dan dapat menjadikan pelajar itu seimbang emosinya serta dapat membantu kecemerlangan prestasi akademik pelajar sama ada di sekolah rendah dan menengah. Dengan kekuatan amalan-amalan Islam yang diamalkan seperti mengamalkan ibadah zahiriah dan batiniyah, fardhu ain dan fardhu kifayah maka agama seorang itu semakin kuat dan seterusnya akan seimbang dari aspek rohani dan jasmaninya.

Ibnu Khaldun dalam hal ini menyatakan dalam bukunya *Muqaddimah* mendapati bahawa apabila adanya ajaran agama maka di dalam diri seseorang itu akan ada pengaruh baik yang dapat mengawal tingkah lakunya. Segala amalan-amalan Islam menjadikan amalan kehidupan seharian akan membentuk aura diri yang positif kepada pelajar. Menurut Prof Dr. Sidek Baba dalam artikelnya di Utusan Malaysia yang bertajuk *Sistem Beragama Elak*

*Gejala Sosial Masyarakat* menyatakan bahwa kehidupan beragama tidak saja memberikan pedoman dan aturan tetapi memberikan manusia nilai seperti amanah, adil, bijaksana, tulus dan jujur yang sangat penting dalam kehidupan dan pengurusan seharian.

Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada amalan-amalan Islam dalam kalangan pelajar muslim dan hubungkaitnya dengan pembentukan sahsiah, emosi dan pencapaian prestasi akademik pelajar. Konsep ini juga bertepatan dengan matlamat Islam yang amat menitikberatkan penguasaan ilmu bukan hanya ilmu keduniaan, malahan yang lebih penting adalah yang berkaitan dengan keagamaan. Ini juga bertepatan dengan prinsip utama Islam yang telah di jelaskan dalam surah Al-Alaq:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ \* خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ \* اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ \* الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ \* عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

*“Bacalah dengan menyebut nama TuhanMu. Dia telah menciptakan manusia dengan segumpal darah. Bacalah, dan Tuhan yang Maha pemurah, Yang mengajarkan (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”*

*(Surah Al-Alaq: 1-5)*

Berdasarkan firman Allah Ta’ala ini dapatlah difahami bahawa ilmu memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang muslim sama ada ilmu kehidupan apatah lagi ilmu ahkirat. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah penguasaan serta kefahaman pelajar-pelajar terhadap amalan-amalan Islam sama ada dalam konteks fardhu ain atau fardhu kifayah dalam kehidupan seharian serta hubungkaitnya dengan pembentukan sahsiah, emosi dan pencapaian prestasi akademik pelajar.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini merupakan suatu kajian yang seharusnya dilakukan oleh ahli akademik diperingkat Sekolah. Keadaan ini dilaksanakan kerana ramai dalam kalangan pelajar Islam pada hari ini tidak menjadikan amalan-amalan Islam sebagai amalan hidup mereka. Jika amalan-amalan Islam ini tidak dapat diamalkan oleh mereka dengan sempurna, akibatnya sudah pasti akan menimbulkan banyak masalah yang besar dan seterusnya akan berlaku keatas mereka antaranya keruntuhan akhlak, masalah gejala sosial yang berleluasa serta masalah disiplin.

Semuanya ini boleh menjejaskan pembentukan sahsiah, emosi dan prestasi pencapaian kecemerlangan akademik pelajar. Satu pendekatan terbaik perlu diambil untuk memastikan para pelajar yang akan menjadi pemimpin dimasa hadapan dapat dibangunkan menggunakan acuan yang kita bentuk sendiri adalah melalui pendekatan Islam. Dalam erti kata lain, negara perlu memberikan tumpuan kepada usaha membangunkan model insan yang holistik lengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Kajian terhadap amalan-amalan Islam dan kesannya terhadap pelajar aliran agama di Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor akan menjurus kepada amalan-amalan agama Islam yang masih belum dikaji oleh mana-mana pihak sebelum ini. Seterusnya, ia akan mengkaji perkaitan mengenai amalan-amalan Islam ini dengan pembentukan sahsiah, emosi dan pencapaian kecemerlangan akademik.

## **1.4 Soalan Kajian**

Oleh itu, soalan-soalan kajian yang dijawab dalam kajian ini ialah seperti berikut:

1. Apakah latar belakang responden yang merangkumi jantina, umur, kedudukan dalam keluarga, asas pendidikan agama, pekerjaan ibu bapa, pendapatan keluarga dan pencapaian akademik?
2. Adakah kefahaman responden terhadap jenis-jenis amalan Islam yang diamalkan?
3. Apakah keberkesanan amalan-amalan Islam yang diamalkan terhadap pembentukan sahsiah responden?
4. Bagaimanakah kesanggupan responden berusaha untuk mencapai kecemerlangan akademik?
5. Apakah perkaitan antara kefahaman mengenai amalan Islam dengan pembentukan sahsiah dan pencapaian kecemerlangan akademik?
6. Apakah pendapat responden mengenai amalan-amalan Islam boleh memberi kesan terhadap sahsiah dan prestasi pencapaian kecemerlangan akademik?

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap amalan- amalan Islam yang diamalkan oleh pelajar.
2. Mengkaji kesan pengamalan amalan-amalan Islam oleh pelajar dari aspek sahsiah.

3. Mengkaji kesan pengamalan amalan-amalan Islam oleh pelajar dari aspek akademik.
4. Mengetahui pandangan responden mengenai amalan-amalan Islam yang boleh memberi kesan terhadap sahsiah dan pencapaian akademik.

### **1.6 Hipotesis kajian**

1. Terdapat perkaitan yang signifikan antara kefahaman amalan Islam dengan pembentukan sahsiah pelajar.
2. Terdapat perkaitan yang signifikan antara kefahaman amalan Islam dengan pencapaian akademik pelajar.

### **1.7 Sumbangan Kajian**

1. Dapat membantu pihak Hal Ehwal Murid Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat merangka program yang lebih bersesuaian dengan keperluan dengan keperluan para pelajar yang berkaitan dengan kerohanian dan amalan-amalan terhadap agama Islam.
2. Dapat memberikan gambaran tentang keberkesanan pendidikan yang telah dilaksanakan selama ini.
3. Dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas dan berasas serta membantu pihak berkenaan dalam konteks ke arah peningkatan pendidikan khususnya dalam pengetahuan Islam.

## **1.8 Had Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor. Sehubungan dengan itu, keputusan kajian ini boleh diaplikasikan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar yang beragama Islam di kawasan lain. Kejujuran responden menjawab soal selidik yang diedarkan menjadi batasan kepada kajian ini. Di samping itu, kajian ini hanya benar pada masa kajian dijalankan dan tidak benar pada masa-masa lain.



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan secara mendalam tentang kefahaman amalan-amalan Islam dalam kalangan pelajar supaya dapat memberi kesan yang terbaik terhadap perubahan sahsiah tingkahlaku dan pencapaian prestasi kecemerlangan pelajar secara lebih terperinci. Selain itu, dinyatakan juga dengan jelas perkara-perkara yang dimaksudkan dalam amalan-amalan Islam serta kesan-kesan dan cara-cara untuk melaksanakan amalan-amalan Islam dalam kalangan pelajar sekolah aliran agama. Tujuan perbincangan ini juga adalah untuk memahami secara mendalam tentang konsep amalan-amalan Islam secara umum dan khusus. Asas amalan–amalan Islam boleh dibahagikan kepada tiga komponen iaitu:

- Pertama : Amalan Fardhu
- Kedua : Amalan Sunat
- Ketiga : Akhlak

Maka kajian ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan amalan-amalan Islam kerana ianya merupakan maklumat asas dan penting untuk diketahui sebagai seorang pelajar muslim.

## **2.2 Amalan Fardhu**

Amalan Fardhu ialah suatu perkara yang wajib dikerjakan serta dilaksanakan oleh seorang Islam yang mukallaf (orang Islam yang telah dewasa dan telah berkewajipan melaksanakan seruan agama). Amalan Fardhu sekiranya dilaksanakan akan mendapat pahala manakala apabila meninggalkannya akan mendapat dosa. Amalan Fardhu atau wajib terbahagi kepada dua iaitu:

1. Wajib Fardhu Ain iaitu perkara yang wajib dikerjakan setiap seorang Islam yang mukallaf dan apabila meninggalkannya maka berdosa.
2. Wajib Fardhu Kifayah pula ialah perkara yang wajib dikerjakan oleh setiap orang Islam yang mukallaf. Sekiranya telah dikerjakan oleh sebahagian orang Islam, maka gugurlah dosa orang yang tidak melaksanakannya.

Diantara amalan-amalan fardhu sebagaimana yang tersebut di dalam al-Quran adalah seperti berikut:

### **2.2.1 Solat**

Solat adalah merupakan perintah Allah yang paling penting dan utama. Oleh sebab itu perintah solat disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. secara langsung dan tidak melalui perantaraan. Nabi Muhammad s.a.w. mendapat perintah untuk melakukan solat ketika peristiwa Israk dan Mikraj. Perintah solat ini berbeza dengan perintah yang lain kerana ianya diterima secara langsung daripada Allah SWT. Solat bererti doa atau

permohonan kepada Allah. Manakala solat menurut istilah adalah perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam. Solat fardhu wajib dilakukan pada waktu-waktu tertentu sebanyak lima kali sehari semalam iaitu Solat Subuh, Solat Zohor, Solat Asar, Solat Maghrib dan Solat Isyak. Bahawasanya sembahyang itu adalah tiang agama, dan ianya adalah asas agama Islam yang lima sesudah kalimah syahadah. Umat Islam hendaklah sentiasa khusuk dalam mendirikan solat fardhu mahupun solat sunat serta menjaga waktu-waktu solat. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

*“Peliharalah solat, dan solat pertengahan, serta tegaklah berdiri mematuhi perintah Allah”*

(Surah Al-Baqarah: ayat 238)

Menurut Al-Ghazali, segala pergerakan, perlakuan dan amalan zahir berkaitan dengan solat bermula dengan azan, takbir, penyempurnaan rukun termasuk rukuk, sujud, tasyahud sama ada dalam solat fardhu, solat sunat, solat berjemaah, kesemuanya mengandungi rahsia tersendiri untuk tujuan pembersihan jiwa dan pembentukan peribadi manusia. Solat dengan penuh khusyuk, hati yang hadir ikhlas dan memberikan keyakinan penyerahan diri yang tinggi kepada Allah dapat mencegah seseorang dari perbuatan keji dan mungkar. Allah telah menjadikan salah satu daripada pada rukun Islam iaitu solat lima waktu yang mana agama tidak akan didirikan tanpanya. Fiman Allah yang berbunyi:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ \* الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ \*

*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu khusuk dalam sembahyang.*

(Al-Mukminun 1:2)

### **2.2.2 Puasa**

Puasa diwajibkan kepada umat Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Puasa itu ialah menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari. Puasa wajib terdiri daripada puasa pada bulan Ramadan, Puasa Kifarah, Puasa Qada dan Puasa Nazar. Sementara puasa sunat adalah seperti puasa pada hari Isnin dan Khamis, Puasa Sunat Asyura dan Puasa Enam di bulan Syawal.

### **2.3 Amalan Sunat**

Amalan sunat ialah suatu perkara yang lebih baik dikerjakan oleh seorang Islam yang mukallaf. Amalan sunat yang dikerjakan akan mendapat pahala dan apabila meninggalkan tidak berdosa. Diantara amalan-amalan sunat itu ialah:

#### **2.3.1 Solat Berjemaah**

Solat berjemaah ialah solat yang diimami oleh seorang imam dan diikuti sekurang-kurangnya seorang makmum sama ada dalam solat fardhu atau solat sunat seperti Solat Sunat Terawih. Makmum hendaklah mengikut imam dan tidak boleh mendahului imam. Solat berjemaah pahalanya sebanyak 27 darjat berbanding dengan bersendirian seperti yang disebut dalam Hadis :

*“Solat jemaah baik daripada solat sendirian dengan kelebihan dua puluh tujuh darjat”*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

### **2.3.2 Membaca Al-Quran**

Al-Quran adalah merupakan kalam Allah S.W.T dan ianya adalah mukjizat agung Nabi Muhammad s.a.w. Membacanya perlulah dengan hati yang tenang dan anggota yang penuh khuysuk serta ikhlas kepada Allah semata-mata untuk mendapatkan keredhaanNya. Disamping diniatkan juga untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta mengharapkan pahala dari pembacaannya. Sebagaiman firman Allah yang bermaksud:

*“Kalau Al-Quran itu, Kami turunkan ke atas sebuah gunung, nescaya engkau akan melihat gunung itu tunduk dan terbelah kerana takut kepada Allah. Itulah perumpamaan yang kami tunjukkan kepada manusia, Moga-moga mereka dapat memikirkannya”*

(Surah Al-Hasry: 21)

### **2.3.3 Zikir**

Berzikir bermaksud mengingati Allah SWT adalah merupakan pekara mulia dan amat besar fadhilatnya. Ia merupakan ibadat yang paling utama dan jalan mendekatkan diri kepada Allah. Perumpamaan orang yang berzikir dengan orang yang tidak berzikir seperti orang yang hidup dengan orang yang mati. Zikir merupakan amalan lisan yang utama sesudah bacaan Al-Quran. Zikir merupakan kaedah berhubung secara vertikal manusia dengan

Allah dalam konteks hubungan menegak (*hablum min Allah*) agar manusia sentiasa mendapat perlindungan, jagaan, suluhan dan hidayah Allah SWT yang memberi kesan langsung kepada tabiat dan tingkahlaku.

Istilah zikir yang dimaksudkan oleh Al-Ghazali ialah tahlil (*La ilaha illal Lah*), tasbih (*Suhanallah*), Tahmid (*Alhamdulillah*), Takbir (*Allahu Akbar*) termasuk nama-nama Allah dan lafaz-lafaz zikir yang diwarisi dari Rasulullah, yang terdapat dalam hadis-hadis baginda. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah (ingatlah) kepada Allah sebanyak-banyaknya, dan bertasbihlaah kepadanya setiap pagi dan petang”*

(Surah Al- Ahzab 41: 42)

#### **2.3.4. Selawat**

Selawat adalah jamak dari kalimah solat. Selawat ertinya ialah doa, rahmat daripada Allah, yang memberi berkah dan ibadah. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w adalah suatu amaliah dan ibadah yang terpuji yang amat disukai Allah dan para malaikat-Nya serta sangat dianjurkan sebagai penghormatan dan memohon rahmat kepada Nabi Muhammad s.a.w. Firman Allah SWT bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada nabi. Hai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya dan ucaplah salam penghormatan kepadanya.”*

(Surah Al-Ahzab: 56)

### **2.3.5 Qiyam Al-Lail**

Menghidupkan malam (Qiyam Al-Lail) bermaksud menghidupkan sepertiga malam dengan beribadat, bermula dengan maghrib, diantara maghrib dan isyak, kemudian isyak dan solat-solat sunat selepasnya, kemudian tidur dan diikuti bangun (sepertiga terakhir) malam untuk dipenuhi dengan solat (Al-Ghazali 1988: 1041). Amalan menghidupkan malam memberikan rasa kehalusan dan kemanisan dari nur Ilahi ke dalam hati pengamalnya. Qiyam Al-Lail adalah untuk menghakis rasa sombong manusia iaitu sukar untuk tunduk dan patuh kepada perintah Allah dan seterusnya mengelakkan berlakunya kerenggangan manusia kepada penciptanya untuk mengharapkan keperibadian yang unggul dan mentaati agama.

### **2.3.6 Berdoa**

Berdoa adalah merupakan permintaan, permohonan mendapatkan pertolongan daripada Allah SWT oleh seorang hamba. Termasuk dalam pengertian doa ini adalah lafaz-lafaz doa yang terdapat dalam Al-Quran dan sunnah serta doa-doa yang diwarisi (ma'thur) menerusi para sahabat. Berdoa itu ialah ibadat. Ianya adalah senjata bagi orang Mukmin dengan menyakini diatas pengharapan yang dipohon.

### **2.3.7 Sedekah**

Sedekah ialah membelanjakan sebahagian daripada harta pada jalan kebajikan dan kebaikan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dan mengharapkan pahala daripadaNya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada waktu malam dan siang, secara sembunyi-sembunyi mahupun terang-terangan, maka mereka akan memperoleh ganjaran dari tuhan mereka, mereka tiada takut dan tiada pula berdukacita.”*

(Surah Al-Baqarah : 274)

### **2.3.8 Muhasabah diri**

Maksud muhasabah diri ialah seseorang itu melakukan penilaian terhadap dirinya sendiri. Muhasabah itu bertujuan mengislah diri dan membetulkan akhlak. Pintu taubat sentiasa terbuka sebelum kematian menjelma. Muhasabah akan diikuti taubat, dan tiada taubat selepas mati. Firman Allah SWT bermaksud:

*“Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada manusia, dalam pada itu mereka tidak menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada Allah. Padahal Allah ada bersama-sama mereka, ketika mereka merancang pada malam hari, kata-kata yang tidak diredhai oleh Allah. Dan (ingatlah) Allah sentiasa meliputi PengetahuanNya akan apa yang mereka lakukan”*

(Surah An-Nisa: 108)



Muhasabah ini bertujuan untuk mengetahui untung dan rugi seseorang insan terhadap usaha untuk mentaati Allah atau melakukan maksiat. Ia juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana perbuatan dan amalannya bertepatan dengan kehendak syarak. Jika terdapat sebarang penyelewengan atau kecuaiian, maka hendaklah segera bertaubat, kembali kepada Allah dan membetulkan hala tuju hidupnya.

## 2.4 Pengertian Akhlak

Akhlak boleh ditafsirkan sebagai budi pekerti dan sifat-sifat yang mulia. Setiap manusia hendaklah mempunyai akhlak atau sifat-sifat yang baik dan mulia kerana dengan mempunyai budi pekerti tersebut manusia akan dapat hidup dengan aman. Rangkaian iman, ilmu, akhlak dan amal mestilah berkait rapat diantara satu sama lain. Akhlak sangat penting kerana Rasulullah SAW sendiri telah diutuskan untuk menyampaikan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Hal ini telah dinyatakan dalam sabda Rasulullah SAW.

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”*

(Riwayat Bukhari)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa ketinggian ilmu tidak memadai kerana ramai orang yang berilmu tetapi mempunyai akhlak yang rendah. Begitu juga dengan iman dan amal. Keempat-empat perkara ini mesti digabungkan dan hendaklah mempunyai nilai kualiti tinggi. Peranan akhlak dalam menentukan sahsiah seseorang tidak boleh dinafikan lagi kepentingannya. Proses pembentukannya adalah selaras dengan perkembangan jiwa

seseorang itu. Untuk membentuk akhlak yang baik memang sukar walaupun bagaimanapun setiap muslim itu mestilah berusaha kearah membentuk kesempurnaan akhlak seperti yang dituntut oleh agama Islam.

## **2.5 Kajian Literatur**

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengambil beberapa kajian yang lepas yang ada kaitan dengan dengan tajuk kajian “Amalan-amalan Islam dan Kesannya Terhadap Pelajar Aliran Agama”. Tujuan penyelidik mengambil kajian lepas untuk menguatkan kajian yang akan dijalankan dan secara tidak langsung ia membantu penyelidik menjalankan kajian tersebut.

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Hussien Mahmood dan Kamarudin Abd Rahman (1981) mendapati bahawa dengan memahami dan mengamalkan amalan-amalan Islam pelajar dapat menyusun strategi untuk penyelesaian masalah dan cabaran yang dihadapi dengan lebih berkesan bagi mengelakkan keruntuhan akhlak atau masalah disiplin yang dihadapi. Seterusnya, menurut Despert (1965), pelanggaran peraturan yang sering dilakukan oleh pelajar adalah seperti berkelakuan jahat, suka melawan, ingkar, tidak dapat dibentuk, dan tidak setabil. Kelemahan daripada segi mental juga boleh menyebabkan berlakunya kemerosotan prestasi pencapaian akademik pelajar yang disebabkan oleh kegagalan berulang kali dalam peperiksaan atau tidak berminat untuk belajar.

Menurut kajian oleh Yaakub Haji Yusof (1977) menunjukkan bahawa 50% daripada murid-murid yang ponteng sekolah adalah mereka yang menghadapi banyak gangguan hidup seharian, mereka mencari jalan keluar dengan cuba lari dari sekolah. Selain itu,

pengaruh rakan sebaya juga memberi kesan yang kuat pada pembentukan peribadi pelajar. Justeru itu kefahaman pelajar untuk mengamalkan amalan-amalan Islam amat penting dalam kehidupan supaya setiap sifat-sifat negatif itu dapat diatasi dengan sebaiknya demi untuk mencapai kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat.

Seterusnya, Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007) mengkaji tahap amalan-amalan Islam seperti solat dan hubungannya dengan akhlak pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa amalan-amalan Islam berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga mendapati wujud hubungan diantara amalan-amalan Islam dengan akhlak pelajar. Diantara cabang-cabang yang paling besar setelah kalimah tauhid adalah mendirikan solat dengan penuh keyakinan sama ada aspek perkataan mahupun perbuatan. Allah SWT telah menjadikan salah satu daripada rukun Islam iaitu sembahyang lima waktu yang mana agama tidak akan didirikan tanpanya. Fiman Allah yang bermaksud:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ \* الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ

*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman .Iaitu khusuk dalam sembahyang.*

(Al-Mukminun 1:2)

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1988), anak adalah amanah yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kedua ibubapanya dan hati seorang bayi itu suci ketika dilahirkan. Jika anak-anak dibiasakan dan diajarkan dengan kebaikan maka mereka akan membesar dengan kebaikan. Manakala sebaliknya, jika ia dibesarkan dengan kejahatan iaitu tanpa sahsiah yang sempurna maka apabila dewasa ia akan leka dan lalai disamping akan terjerumus melakukan kejahatan. Pendekatan amalan-amalan Islam yang difahami serta diamalkan

perlu dilakukan secara istiqamah supaya ia menjadi pendorong untuk merangsang pelajar terus maju ke hadapan bagi mencapai kecemerlangan akademik.

Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir (2009), menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap pengamalan amalan-amalan Islam seperti mengerjakan solat sunat dan faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk melaksanakan solat sunat. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang solat-solat sunat. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan mempertingkatkan pengamalan amalan-amalan Islam dalam kalangan pelajar, khususnya di Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor.

Setelah meneliti dapatan kajian penyelidikan yang lalu dapat merumuskan bahawa pengamalan amalan-amalan Islam sebenarnya banyak memberi kesan yang positif terhadap sahsiah dan pencapaian akademik pelajar dalam kehidupan.


## **2.6 Konsep dan Teori**

Setiap manusia secara fitrahnya dilahirkan suci tanpa dosa. Oleh itu manusia memerlukan agama untuk mengawal tingkah laku dan mengatur kehidupan yang sebaiknya di atas muka bumi ini. Pelbagai cara perlu dilakukan seperti solat lima waktu, solat-solat sunat, berpuasa fardhu dan sunat, membaca Al-Quran, berzikir, berdoa, qiamullail serta muhasabah diri.

Kesedaran terhadap amalan-amalan agama dalam kalangan pelajar adalah didorong oleh pengharapan balasan baik daripada Maha Pencipta. Ayat Al-Quran ada menyatakan bahawa manusia berharap kepada Allah SWT dan sentiasa bersangka baik kepadaNya. Dorongan-dorongan untuk melakukan amalan-amalan agama adalah seperti sifat ikhlas daripada hati yang bersih semata-mata untuk mencari rahmat dan keredaan daripada Allah agar apa juga usaha yang dilakukan diberi kemudahan untuk dilaksanakannya

## **2.7 Konsep Rangka Kerja**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan-amalan Islam dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat Johor. Secara keseluruhannya, konsep rangka kerja kajian ini dapat ditunjukkan seperti dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Konsep Rangka Kerja**

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini menerangkan mengenai kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian. Elemen utama yang dibincangkan dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, lokasi kajian, persampelan kajian, pengumpulan data, instrumen kajian, prosedur kajian, penganalisan data.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Penyelidikan untuk kertas kerja ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Data dikumpulkan melalui tinjauan menggunakan instrumen soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Instrumen tersebut mengandungi empat bahagian, iaitu demografi, kefahaman tentang amalan-amalan Islam, keberkesanan amalan-amalan Islam dalam pencapaian akademik dan sahsiah pelajar. Amalan-amalan Islam boleh memberi kesan terhadap sahsiah dan kecemerlangan akademik. Instrumen yang telah dibina ditadbirkan oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Parit Raja, Batu Pahat Johor.

### **3.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Agama Parit Raja, Daerah Batu Pahat Johor. Pemilihan tempat ini adalah kerana kesemua pelajar adalah beragama Islam. Lokasi sekolah ini terletak di kawasan Pekan Parit Raja Dearah Batu Pahat.

### **3.4 Sampel Kajian**

Sampel kajian adalah merupakan pelajar Tingkatan Empat. Jumlah pelajar seramai 100 orang yang telah menduduki peperiksaan Menengah Rendah dan Sijil Menengah Agama semasa di Tingkatan Tiga. Sampel kajian dikehendaki untuk menjawab borang kaji selidik yang telah disediakan oleh penyelidik.

### **3.5 Subjek Kajian**

Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama Parit Raja, Batu Pahat Johor yang terdiri daripada pelajar yang telah menduduki Peperiksaan Menengah Rendah dan Sijil Menengah Agama merupakan subjek dalam kajian ini. Pelajar tersebut merupakan individu yang telah mempunyai berpengalaman dalam menduduki Peperiksaan Menengah Rendah dan Sijil Menengah Agama iaitu satu peperiksaan yang besar di Malaysia.



### **3.6 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik seperti yang terdapat dalam Lampiran A. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu:

#### **3.6.1 Bahagian A**

Bahagian ini mengandungi soalan mengenai demografi dan sosioekonomi seperti maklumat peribadi dan latar belakang responden seperti umur, taraf pendidikan dan tahap sosioekonomi ibu/bapa atau penjaga responden dan pencapaian akademik.

#### **3.6.2 Bahagian B**

Soalan yang dikemukakan adalah berbentuk soalan yang berkaitan dengan objektif di dalam Bab 1. Soalan adalah berkisar tentang kefahaman pelajar terhadap jenis-jenis amalan-amalan Islam. Skala Likert digunakan untuk mengukur darjah persetujuan dan pandangan responden terhadap kefahaman terhadap jenis-jenis amalan Islam. Tanggapan responden dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan Skala Likert terdiri dari lima peringkat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Skala Likert Mengukur Kefahaman Amalan-Amalan Islam**

<b>Justifikasi</b>	<b>Singkatan</b>	<b>Skala</b>
Sangat Faham	SF	5
Faham	F	4
Kurang Faham	KF	3
Tidak Faham	TF	2
Sangat Tidak Faham	STF	1

### **3.6.3 Bahagian C**

Soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan tahap keberkesanan amalan Islam terhadap sahsiah dan tahap keberkesanan Amalan Islam terhadap persepsi pencapaian prestasi akademik. Masing-masing sebanyak 10 pernyataan bagi mengukur tahap keberkesanan tahap keberkesanan amalan Islam terhadap sahsiah dan tahap keberkesanan Amalan Islam terhadap persepsi pencapaian prestasi akademik. Soalan mengenai pencapaian kecemerlangan akademik (PMR, SMA) juga di tanya dalam bahagian ini.

### **3.6.4 Bahagian D**

Soalan berbentuk terbuka dikemukakan untuk mendapat pandangan responden terhadap Amalan Islam dan kesanya dalam kalangan pelajar.

### **3.7 Prosedur Kajian**

Permohonan untuk menjalankan kajian di Sekolah Menengah Agama Parit Raja, Batu Pahat telah diperoleh sebelum pengutipan data dilakukan. Seramai 100 orang daripada pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Agama Parit Raja, Batu Pahat dipilih secara rawak mudah. Sebanyak 100 borang soal selidik disediakan untuk diedarkan kepada responden iaitu kepada pelajar yang telah menduduki PMR dan SMA.

### **3.8 Pengumpulan Data**

Data dikumpul dari jawapan responden berdasarkan soalan dalam kertas soal selidik. Soalan yang terdapat dalam soal selidik adalah berbentuk soalan terbuka dan tertutup. Pengumpulan data responden dijalankan pada awal bulan Disember 2013.

### **3.9 Penganalisaan Data**

Data yang telah dikumpul dianalisa menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) Versi 16. Data dianalisis secara deskriptif iaitu peratusan dan purata.

## **BAB 4**

### **HASIL TEMUAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Kajian ini telah dijalankan untuk melihat tahap keberkesanan amalan Islam terhadap sahsiah pelajar dan prestasi pencapaian akademik pelajar. Aspek utama yang akan di bincangkan di dalam kajian ini seperti berikut:

1. Untuk mengetahui latar belakang responden.
2. Untuk mengenal pasti kefahaman mengenai amalan- amalan Islam yang diamalkan oleh pelajar Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor.
3. Untuk mengetahui keberkesanan pengamalan amalan-amalan Islam oleh pelajar dari aspek sahsiah pelajar Sekolah Menengah Parit Raja Batu Pahat, Johor.
4. Untuk mengetahui kesanggupan pelajar berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam pencapaian akademik.
5. Untuk mengkaji perkaitan antara kefahaman amalan Islam dengan pembentukan sahsiah dan pencapaian kecemerlangan akademik (PMR, SMRA, persepsi terhadap kecemerlangan).

6. Untuk mengkaji perkaitan antara kefahaman amalan Islam dengan pembentukan sahsiah dan pencapaian kecemerlangan akademik (PMR, SMA, persepsi terhadap kecemerlangan).
7. Untuk mengetahui pandangan responden mengenai amalan-amalan Islam boleh memberi kesan terhadap sahsiah dan prestasi pencapaian kecemerlangan akademik.

#### **4.2 Latar Belakang Responden**

Di dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat. Bilangan responden adalah seramai 100 orang, iaitu 57.0% terdiri pelajar lelaki dan 43.0% terdiri pelajar perempuan. Majoriti responden adalah terdiri pelajar-pelajar tingkatan empat yang berusia 16 tahun (98.0%) diikuti berusia 17 tahun (1.0%) dan berusia 15 tahun (1.0%).

Dari segi kedudukan anak dalam keluarga, seramai 29.0% responden terdiri dari anak sulung, manakala seramai 53.0% responden dari kedudukan anak tengah dan hanya seramai 18.0% responden dari anak bongsu. Majoriti (99.0%) responden adalah daripada berbangsa Melayu dan hanya 1.0% berbangsa Cina. Dari segi aspek pendidikan agama, keseluruhan responden mempunyai tahap pendidikan agama secara formal iaitu mendapat pendidikan agama secara formal.

Seramai 31.2% responden mempunyai bilangan isi rumah antara 1 hingga 5 orang dan bilangan responden yang mempunyai bilangan isi rumah 6 hingga 10 orang adalah 66.6%. Hanya 2.2% responden sahaja yang mempunyai bilangan isi rumah lebih daripada 10 orang.

Dari segi pekerjaan penjaga responden, seramai 36.0% adalah seorang kakitangan kerajaan. Manakala, responden yang mempunyai penjaga bekerja sebagai kakitangan swasta adalah seramai 21.0%. Seramai 24.0% responden yang mempunyai penjaga bekerja sendiri. Manakala penjaga responden yang bekerja sebagai ahli perniagaan seramai 9.0%. Seramai 2.0% penjaga responden sebagai suri rumah dan 8.0% penjaga responden sebagai pesara. Kesimpulannya, majoriti penjaga responden bekerja dengan sektor kerajaan .

Dari segi pencapaian keputusan PMR, seramai 34.3% responden mendapat 9A -7A dan seramai 57.6% responden mendapat 6A-4A. Hanya 8.1% responden mendapat 3A-1A. Manakala berdasarkan keputusan SMA pula, seramai 34.3% responden mendapat keputusan Mumtaz Sofi. Seramai 44.0% responden mendapat keputusan Mumtaz dan seramai 36.0% responden mendapat keputusan Jayid Jindan. Manakala hanya 8.0% responden mendapat keputusan Jayid.

Dari segi pendapatan keluarga seramai 7.2% keluarga responden mempunyai pendapatan dibawah RM 1000 sebulan dan seramai 25.8% keluarga responden mempunyai pendapatan diantara RM 1001-2000 sebulan. Seramai 29.9% keluarga responden mempunyai pendapatan diantara RM2001- RM300 sebulan. Seterusnya, kira-kira 21.6% keluarga responden mempunyai pendapatan bulanan diantara RM3001- RM4000 sebulan diikuti

seramai 15.5% % keluarga responden mempunyai pendapatan bulanan diantara RM4001- RM5000 sebulan.

#### 4.3 Mengenal Pasti Kefahaman Amalan-Amalan Islam yang Di amalkan Oleh Pelajar

Analisis daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden untuk mengenal pasti kefahaman mengenai amalan- amalan Islam yang diamalkan oleh pelajar adalah seperti


Jadual 2:

**Jadual 2: Kefahaman Terhadap Amalan-Amalan Islam**

<b>Amalan-Amalan Islam</b>	<b>Sangat Tidak Faham (%)</b>	<b>Tidak Faham (%)</b>	<b>Kurang Faham (%)</b>	<b>Faham (%)</b>	<b>Sangat Faham (%)</b>
Mengerjakan Solat Wajib	1.0	0.0	1.0	16.0	82.0
Mengerjakan Puasa Wajib	1.0	0.0	0.0	19.0	80.0
Amalan Solat Sunat	1.0	0.0	8.0	35.0	56.0
Amalan Puasa Sunat	1.0	0.0	4.0	33.0	62.0
Amalan Solat Berjamaah	1.0	0.0	0.0	27.0	72.0
Amalan membaca Al-Quran	1.0	4.0	0.0	28.0	67.0
Amalan Berzikir	1.0	0.0	0.0	38.0	61.0
Amalan Berselawat	1.0	0.0	1.0	34.0	64.0
Amalan Sedekah	1.0	0.0	2.0	40.4	56.6

Bermuhasabah diri	1.0	0.0	5.0	46.0	48.0
Qiamullail	1.0	0.0	5.0	41.0	53.0
Berdoa	1.0	0.0	2.0	22.0	75.0


Secara keseluruhannya, Kefahaman Terhadap Amalan-Amalan Islam responden berada di tahap tinggi (Jadual 2). Soalan 1 dari Jadual 2 telah menunjukkan 82.0% responden sangat faham mengerjakan solat wajib, 16.0% responden faham, 1.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 2).



**Rajah 2: Mengerjakan solat wajib**


Soalan 2 dari Jadual 2 telah menunjukkan 80.0% responden sangat faham mengerjakan puasa wajib, 19.0% responden faham, 0.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 3)






**Rajah 3: Mengerjakan Puasa Wajib**

Soalan 3 dari Jadual 2 telah menunjukkan 56.0.0% responden sangat faham mengerjakan amalan solat sunat, 35.0% responden faham, 8.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 4).




**Rajah 4: Amalan Solat Sunat**

Soalan 4 dari Jadual 2 telah menunjukkan 62.0% responden sangat faham mengerjakan puasa sunat, 33.0% responden faham, 0.0% kurang faham 4.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 5).




**Rajah 5: Amalan Puasa Sunat**

Soalan 5 dari Jadual 2 telah menunjukkan 72.0% responden sangat faham mengerjakan solat berjamaah, 27.0% responden faham, 0.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 6).




**Rajah 6: Amalan Solat Berjamaah**

Soalan 6 dari Jadual 2 telah menunjukkan 67.0% responden sangat faham amalan membaca Al-Quran, 28.0% responden faham, 0.0% kurang faham, 4.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 7).




**Rajah 7: Amalan Membaca Al-Quran**

Soalan 7 dari Jadual 2 telah menunjukkan 61.0% responden sangat faham amalan berzikir, 38.0% responden faham, 0.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 8).




**Rajah 8: Amalan Berzikir**

Soalan 8 dari Jadual 2 telah menunjukkan 64.0% responden sangat faham amalan berselawat, 38.0% responden faham, 0.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 9).




**Rajah 9: Amalam Berselawat**

Soalan 9 dari Jadual 2 telah menunjukkan 56.6% responden sangat faham amalan sedekah, 40.4% responden faham, 2.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 10).




**Rajah 10: Amalan Sedekah**

Soalan 10 dari Jadual 2 telah menunjukkan 48.0% responden sangat faham amalan bermuasabah diri, 46.0% responden faham, 5.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 11).




**Rajah 11: Bermuhasabah Diri**

Soalan 11 dari Jadual 2 telah menunjukkan 53.0% responden sangat faham amalan qiamullail, 41.0%esponden faham, 5.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 12).



**Rajah 12: Qiamullail**

Soalan 12 dari Jadual 2 telah menunjukkan 75.0% responden sangat faham amalan berdoa, 22.0% responden faham, 2.0% kurang faham, 0.0% responden tidak faham dan 1.0% responden sangat tidak faham (Rajah 13).



**Rajah 13: Berdoa**

Secara keseluruhannya hasil kajian dalam Jadual 3 mendapati bahawa seramai 62.0% responden daripada sampel kajian ini telah mencapai tahap kefahaman yang tinggi terhadap amalan-amalan Islam. Sementara seramai 38.0% responden daripada sampel kajian ini juga ia mencapai tahap kefahaman yang sederhana terhadap amalan-amalan Islam. Hasil kajian menunjukkan purata bagi tahap kefahaman amalan-amalan Islam 55.0%.

**Jadual 3: Tahap Kefahaman Terhadap AmalanAmalan Islam**

Jumlah Skor	Tahap Kefahaman	Peratus (%)
< 54	Sederhana	38.0
≥ 55	Tinggi	62.0
Skor Minima : 12.0		
Skor Maksima : 60.0		
Purata : 55.0		

Hasil dapatan kajian ini telah dapat memberi maklumat tentang kefahaman amalan-amalan Islam yang telah dilaksanakan oleh pelajar aliran agama Sekolah Menengah Parit Raja Batu Pahat, Johor. Amalan-amalan Islam tersebut ialah mengerjakan solat wajib dan sunat, mengerjakan puasa wajib dan sunat, mengerjakan solat berjamaah, membaca Al-Quran, amalan berzikir, amalan berselawat, amalan bersedekah, bermuhasabah diri, qiamullail dan berdoa. Oleh yang demikian, diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat memberi inspirasi dan pendorong kepada pelajar dan para murabbi agar dapat melaksanakan langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap kefahaman mengenai amalan- amalan Islam dalam kalangan responden.

Merujuk kepada Jadual 2 di atas, analisis item mengerjakan solat wajib didapati peratus paling tinggi 82.0% responden sangat faham mengerjakan solat fardu dan 16.0% responden faham mengerjakan solat fardu. Ini menggambarkan bahawa para pelajar secara umumnya mengetahui dan faham akan perintah kewajipan solat. Menurut Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007), kajian yang dijalankan untuk melihat tahap amalan solat dan hubungannya dengan ahklak pelajar. Hasil utama dalam kajian ini mendapati amalan solat dan tahap sahsiah adalah berada ditahap yang tinggi. Dapatan kajian ini mendapati wujud hubungan diantara amalan mengerjakan solat dengan sahsiah pelajar.

Merujuk kepada Jadual 2 bagi analisis item mengerjakan puasa wajib peratus paling tinggi 80.0% responden sangat faham mengerjakan puasa fardu dan 19.0% responden faham mengerjakan puasa fardu. Ini menunjukkan bahawa ibadah puasa dapat mendidik jiwa dan menahan segala anggota-anggota zahir daripada melakukan maksiat serta menahan

anggota batin iaitu hati dari segala penyakit yang timbul dari hati seperti hasad, dengki, ujub (merasa diri lebih amalan) dengan yang demikian hati sentiasa tertumpu kepada Allah.

Sementara amalan-amalan Islam yang lain seperti solat sunat, puasa sunat, solat berjamaah, membaca alqura, amalan berzikir, berselawat, bersedekah bermuhasabah diri, qiamullail dan berdoa menunjukkan responden dapat melaksanakannya sehingga mencapai tahap sangat faham yang amat baik seterusnya dapat melakukan secara konsisten dan istiqamah.

Ini menunjukkan bahawa dengan membaca Al-Quran dan berzikir dapat membentuk akhlak dan sahsiah yang baik dan boleh menjadi benteng dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan syarak seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan regulasi sendiri.

#### **4.4 Mengetahui Kesan Pengamalan Amalan-Amalan Islam Oleh Pelajar Dari Aspek Sahsiah**

Analisis daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden untuk mengetahui kesan pengamalan amalan-amalan Islam oleh pelajar dari aspek sahsiah adalah seperti dalam Jadual 4: secara keseluruhannya tahap keberkesanan amalan-amalan Islam terhadap sahsiah ditahap tinggi.




**Jadual 4: Keberkesanan Amalan Islam Terhadap Sahsiah**

<b>Pernyataan</b>	<b>Tidak Setuju (%)</b>	<b>Setuju (%)</b>	<b>Sangat Setuju (%)</b>
Melakukan amalan-amalan Islam dengan hati yang penuh ikhlas.	0.0	26.3	73.7
Amalan-amalan Islam dapat membentuk tingkah laku sahsiah yang sempurna.	0.0	26.3	73.7
Amalan-amalan Islam dapat mendidik diri dengan berdisiplin dalam kehidupan seharian.	0.0	26.3	73.7
Punca keruntuhan akhlak disebabkan tidak mengamalkan amalan-amalan Islam dengan sempurna.	0.0	36.4	63.6
Ketenangan hati akan diperolehi dari pengamalan amalan-amalan Islam secara Istiqamah.	0.0	20.4	79.6
Amalan-amalan Islam yang dilakukan setiap hari dapat melahirkan sifat bantu-membantu dan berkasih sayang	2.0	38.4	59.6
Mendorong diri untuk bertanggungjawab terhadap setiap kewajipan yang telah diamanahkan,	0.0	29.6	70.4
Merasakan diri hamper kepada Allah untuk memohon pertolongan kepadaNya.	0.0	22.2	77.8
Amalan-amalan Islam yang diamalkan membebaskan diri sendiri.*	92.9	2.0	5.1
Pengamalan amalan-amalan Islam boleh menjejaskan rohani seseorang*	96.9	1.0	2.1


Nota: \* Pernyataan Negatif

Soalan 1 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 73.7% sangat bersetuju, dan 26.3% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0 % responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan responden telah melakukan amalan-amalan Islam dengan hati yang penuh ikhlas (Rajah 14).



**Rajah 14: Melakukan Amalan-Amalan Islam Dengan Hati Yang Penuh Ikhlas**


Soalan 2 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 73.7% sangat bersetuju, dan 26.3% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan responden telah dapat membentuk tingkahlaku sahsiah yang sempurna (Rajah 15).



**Rajah 15: Membentuk Tingkahlaku Sahsiah Yang Sempurna**


Soalan 3 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 73.7% sangat bersetuju, dan 26.3% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak

bersetuju. Hal ini menunjukkan responden telah dapat mendidik diri dengan berdisiplin dalam kehidupan seharian (Rajah 16).




**Jadual 16: Mendidik Diri Dengan Berdisiplin Dalam Kehidupan Seharian**

Soalan 4 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 63.6% sangat bersetuju, dan 20.4% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan punca keruntuhan akhlak disebabkan tidak mengamalkan amalan-amalan Islam dengan sempurna (Rajah 17).




**Rajah 17: Keruntuhan Akhlak Disebabkan Tidak Mengamalkan Amalan-Amalan Islam Dengan Sempurna**

Soalan 5 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 79.6% sangat bersetuju, dan 20.4% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan ketenangan hati akan diperolehi dari pengamalan amalan-amalan Islam secara Istiqamah (Rajah 18).




**Rajah 18: Ketenangan Hati Akan Diperolehi Dari Pengamalan Amalan-Amalan Islam Secara Istiqamah**

Soalan 6 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 59.6% sangat bersetuju, dan 38.4% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan amalan-amalan Islam yang dilakukan setiap hari dapat melahirkan sifat bantu-membantu dan berkasih sayang (Rajah 19).




**Rajah 19: Melahirkan Sifat Bantu-Membantu Dan Berkasih Sayang**

Soalan 7 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 70.4% sangat bersetuju, dan 29.6% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan mendorong diri untuk bertanggungjawab terhadap setiap kewajipan yang telah diamanahkan (Rajah 20).




**Rajah 20: Mendorong Diri Untuk Bertanggungjawab Terhadap Setiap Kewajipan Yang Telah Diamanahkan**

Soalan 8 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 77.8% sangat bersetuju, dan 22.2% sahaja responden yang setuju. Manakala 0.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan merasakan diri hampir kepada Allah untuk memohon pertolongan kepadaNya.




**Rajah 21: Merasakan Diri Hampir Kepada Allah Untuk Memohon Pertolongan KepadaNya**

Soalan 9 pada Jadual 4 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 5.1% sangat bersetuju, dan 2.0% sahaja responden yang setuju. Manakala 92.9% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan merasakan diri hampir kepada Allah untuk memohon pertolongan kepadaNya (Rajah 22).



**Rajah 22: Amalan-Amalan Islam yang diamalkan membebaskan diri sendiri**

Soalan 10 pada Jadual 4 analisis menunjukkan responden iaitu 2.1% sangat bersetuju, dan 1.0% sahaja responden yang setuju. Manakala 96.9% majoriti responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan pengamalan amalan Islam boleh menjejaskan rohani seseorang (Rajah 23).



**Rajah 23: Pengamalan Amalan Islam Boleh Menjejaskan Rohani Seseorang**

Jadual 5 menunjukkan tahap keberkesanan amalan-amalan Islam terhadap sahsiah responden. Secara keseluruhannya mendapati bahawa seramai 73.7% responden telah mencapai tahap keberkesanan tinggi. Hasil daripada sampel kajian ini menunjukkan 73.7% mendapat skor tinggi. Sementara seramai 26.3% responden daripada sampel kajian ini mendapati tahap keberkesanan sederhana. Maka purata bagi tahap keberkesanan amalan-amalan Islam terhadap sahsiah 27.0

**Jadual 5: Tahap Keberkesanan Amalan Islam Terhadap Sahsiah**

Jumlah Skor	Tahap Kefahaman	Peratus (%)
<26	Sederhana	26.3
≥ 27	Tinggi	73.7
Skor Minima : 20.0		
SkorMaksima : 30.0		
Purata : 27.0		

Setiap amalan-amalan Islam yang dilakukan oleh hambaNya akan mendapat balasan dan kesannya dari Allah sama ada di dunia ataupun di akhirat. Kesan utama amalan-amalan Islam dalam kalangan pelajar aliran agama Sekolah Menengah Parit Raja Batu Pahat, Johor ialah ketenangan. Ini jelas dari analisis yang telah dijalankan dimana 79.6% responden sangat setuju menyatakan ketenangan hati akan diperolehi dari pengamalan amalan Islam secara istiqamah, tiada seorang (0.0%) pun responden yang tidak setuju dengan keadaan

ini. Dapatan ini disokong dengan soalan terbuka yang menyatakan bahawa ketenangan adalah kesan utama bila mereka melakukan amalan Islam.

Selain daripada itu merasakan diri hampir kepada Allah untuk memohon pertolongan kepadaNya. Selepas melakukan amalan Islam juga adalah kesan yang paling tinggi dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor. Pengharapan ini mendorong untuk terus memanjatkan permohonan kepada Allah dengan diiringi usaha, ikhtiar, doa dan bertawakal kepada Allah. Disamping itu jaminan bahawa orang yang mengerjakan solat pasti terselamat dari perbuatan yang keji dan mungkar.

Begitu juga hati akan menjadi tenang dan hilang kegelisahan bagi orang membaca Al-Quran. Ibnu Qayyim menyatakan dalam bukunya bahawa doa berfungsi untuk menghindarkan diri dari sesuatu yang membahayakan. Dari itu amalan-amalan Islam amat memberi kesan positif terhadap diri pelajar yang dapat mengamalkan dalam kehidupan seharian mereka secara berterusan.

Islam yang bermaksud *Salim* iaitu sejahtera, merupakan jaminan untuk keselamatan hambanya di dunia dan di akhirat. Kesan ini dapat menyakinkan diri pelajar untuk menghadapi sesuatu perkara dengan mengerjakan solat lima waktu serta solat-solat sunat dan berdoa memohon segala hajat diikuti dengan pengamalan membaca Al-Quran setiap kali lepas solat menjadi penawar bagi segala penyakit dan kerungsingan hati. Ini dapat dijelaskan lagi dengan mengambil maksud dari firman Allah dalam surah Surah Al-Isra' ayat 82 yang bermaksud :



“ Dan kami menurunkan al-quran itu akan menjadi menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman tetapi bagi orang-orang yang menganiaya tidaklah menambah melainkan kerugian”.Ini menunjukkan keberkesanan pengamalan amalan-amalan Islam padadiri seorang pelajar”

(Surah Al- Isra’:Ayat 82)

#### 4.5 Mengetahui Kesan Pengamalan Amalan-Amalan Islam Oleh Pelajar Dari Sudut Akademik

Analisis daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden untuk mengetahui kesan pengamalan amalan-amalan Islam oleh pelajar dari sudut akademik adalah seperti dalam Jadual 6. Secara keseluruhannya tahap keberkesanan amalan-amalan Islam terhadap pencapaian akademik ditahap tinggi.


**Jadual 6: Keberkesanan Amalan Islam Terhadap Pencapaian Akademik**

Pernyataan	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Pencapaian prestasi akademik meningkat dengan pengamalan amalan-amalan Islam yang dilaksanakan oleh pelajar secara berterusan.	1.0	22.2	76.8
Mengamalkan pembacaan Al-Quran setiap hari dapat mencerdaskan akal dan menguatkan daya ingatan terhadap pelajaran.	0.0	19.2	80.8
Setiap amalan-amalan Islam yang diamalkan boleh mengganggu situasi pembelajaran.*	91.7	3.1	5.2
Kepuasan hati akan dirasai setelah pencapaian prestasi akademik cemerlang hasil dari mengamalkan amalan-amalan Islam secara berterusan.	5.1	32.3	62.6
Mempunyai masa dan ruang yang cukup untuk membuat amalan-amalan Islam tanpa mengganggu sesi pembelajaran	0.0	45.5	54.5

Sanggup berusaha sehingga mencapai kecemerlangan diri tanpa ada sifat putus asa.	0.0	44.4	55.6
Menggunakan kekuatan rakan sebaya bagi memperbaiki kelemahan diri apabila melakukan amalan-amalan Islam secara berjamaah.	1.0	51.5	47.5
Matlamat dan tujuan untuk mencapai kecemerlangan akademik sentiasa didorong oleh keyakinan dan kesungguhan hati yang tenang.	0.0	31.3	68.7
Kitalah yang menjadi penentu kepada kecemerlangan akademik dengan melakukan usaha dari pelbagai sudut iaitu fizikal, mental termasuk rohani dan Jasmani.	2.0	37.4	60.6
Sanggup mengorbankan masa dan menggunakan seluruh tenaga untuk melakukan amalan amalan Islam demi mencapai kecemerlangan akademik.	4.0	34.3	61.6


Nota: \* Pernyataan Negatif

Soalan 1 pada Jadual 6 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 76.8% sangat bersetuju, dan 22.2% sahaja responden setuju. Manakala 1.0% responden tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan responden bahawa pencapaian prestasi akademik meningkat dengan keberkesanan Amalan Islam Terhadap Persepsi Pencapaian Prestasi Akademik (Rajah 24).




**Rajah 24: Keberkesanan Amalan Islam Terhadap Persepsi Pencapaian Prestasi Akademik**

Soalan 2 pada Jadual 6 analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 80.8% responden sangat setuju dan seramai 22.2% responden setuju, manakala 19.2% responden tidak setuju bahawa mengamalkan pembacaan Al-Quran setiap hari dapat mencerdaskan akal dan menguatkan daya ingatan terhadap pelajaran (Rajah 25).




**Rajah 25: Pembacaan Al-Quran Setiap Hari Dapat Mencerdaskan Akal Dan Menguatkan Daya Ingatan Terhadap Pelajaran**

Soalan 3 pada Jadual 6 analisis menunjukkan responden iaitu 5.2% responden sangat setuju dan seramai 3.1% responden setuju, manakala 91.7% majoriti responden tidak setuju bahawa Setiap amalan-amalan Islam yang diamalkan boleh mengganggu situasi pembelajaran (Rajah 26).




**Rajah 26: Setiap Amalan-Amalan Islam Yang Diamalkan Boleh Mengganggu Situasi Pembelajaran**

Soalan 4 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 62.0% responden sangat setuju dan 32.3% responden setuju manakala 5.1% Responden tidak setuju bahawa kepuasan hati akan dirasai setelah pencapaian prestasi akademik cemerlang hasil dari mengamalkan amalan-amalan Islam secara berterusan (Rajah 27).




**Rajah 27: Kepuasan Hati Akan Dirasai Setelah Pencapaian Prestasi Akademik Cemerlang Hasil Dari Mengamalkan Amalan-Amalan Islam Secara Berterusan**

Soalan 5 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 54.5% responden sangat setuju dan 45.5% responden setuju manakala 0.0% Responden tidak setuju bahawa mempunyai masa dan ruang yang cukup untuk membuat amalan-amalan Islam tanpa mengganggu sesi pembelajaran (Rajah 28).




**Rajah 28: Mempunyai Masa Dan Ruang Yang Cukup Untuk Membuat Amalan-Amalan Islam Tanpa Mengganggu Sesi Pembelajaran**

Soalan 6 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 55.6% responden sangat setuju dan 44.4% responden setuju manakala 0.0% Responden tidak setuju bahawa Sanggup berusaha sehingga mencapai kecemerlangan diri tanpa ada sifat putus asa (Rajah 29).




**Rajah 29: Sanggup Berusaha Sehingga Mencapai Kecemerlangan Diri Tanpa Ada Sifat Putus Asa**

Soalan 7 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 47.5% responden sangat setuju dan 51.5% responden setuju manakala 1.0% Responden tidak setuju bahawa menggunakan kekuatan rakan sebaya bagi memperbaiki kelemahan diri apabila melakukan amalan-amalan Islam secara berjamaah (Rajah 30).




**Rajah 30: Kekuatan Rakan Sebaya Bagi Memperbaiki Kelemahan Diri Apabila Melakukan Amalan-Amalan Islam Secara Berjamaah**

Soalan 8 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 68.7% responden sangat setuju dan 31.3% responden setuju manakala 1.0% Responden tidak setuju bahawa matlamat dan tujuan untuk mencapai kecemerlangan akademik sentiasa didorong oleh keyakinan dan kesungguhan hati (Rajah 31).




**Rajah 31: Matlamat Dan Tujuan Untuk Mencapai Kecemerlangan Akademik Sentiasa Didorong Oleh Keyakinan Dan Kesungguhan Hati**

Soalan 9 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 60.6% responden sangat setuju dan 37.4% responden setuju manakala 2.1% Responden tidak setuju bahawa kitalah yang menjadi penentu kepada kecemerlangan akademik dengan melakukan usaha dari pelbagai sudut iaitu fizikal, mental termasuk rohani dan Jasmani (Rajah 32).



**Rajah 32: Penentu Kepada Kecemerlangan Akademik Dengan Melakukan Usaha Dari Pelbagai Sudut Iaitu Fizikal, Mental Termasuk Rohani Dan Jasmani**

Soalan 10 pada Jadual 6 analisis menunjukkan 61.0% responden sangat setuju dan 34.3% responden setuju manakala 4.0% Responden tidak setuju bahawa Sanggup mengorbankan masa dan menggunakan seluruh tenaga untuk melakukan amalan amalan Islam demi mencapai kecemerlangan akademik (Rajah 33).



**Rajah 33: Sanggup Mengorbankan Masa Dan Menggunakan Seluruh Tenaga Untuk Melakukan Amalan Amalan Islam Demi Mencapai Kecemerlangan Akademik**

Jadual 7 menunjukkan tahap keberkesanan amalan Islam terhadap persepsi pencapaian prestasi akademik. Secara keseluruhannya mendapati bahawa seramai 61.5% responden telah mencapai tahap keberkesanan tinggi. Seramai 61.5% responden mendapat tahap keberkesanan amalan Islam terhadap pencapaian prestasi akademik yang tinggi. Sementara seramai 38.5% responden daripada sampel kajian ini mendapati tahap keberkesanan sederhana. Maka purata bagi tahap keberkesanan amalan Islam terhadap persepsi pencapaian prestasi akademik 26.0%.

**Jadual 7: Tahap Keberkesanan Amalan Islam Terhadap Pencapaian Prestasi Akademik**

Jumlah Skor	Tahap Kefahaman	Peratus (%)
<25	Sederhana	38.5
≥ 26	Tinggi	61.5

Skor Minima : 20.0  
Skor Maksima : 30.0  
Purata : 26.0

Secara umumnya hasil dapatan kajian membuktikan pelajar yang mengamalkan amalan-amalan Islam secara berterusan berada di tahap tinggi iaitu 76.8%. Seterusnya jika dibandingkan tahap pelajar yang tidak bersetuju untuk mengamalkan pengamalan Islam hanya 1.0% sahaja.

Ciri-ciri yang mempengaruhi kesanggupan pelajar ini dijelaskan dengan pernyataan sanggup mengorbankan masa dengan seluruh tenaga untuk melakukan amalan-amalan Islam demi mencapai kecemerlangan akademik. Keadaan fizikal, rohani dan jasmani yang sentiasa stabil juga membuktikan kesanggupan pelajar untuk membuktikan pencapaian kecemerlangan pencapaian akademik pelajar. Sifat putus asa tidak wujud dalam jiwa pelajar kerana keyakinan yang mantap dan mengakui bahawa usaha yang dilakukan secara berterusan disertakan amalan-amalan Islam yang dilaksanakan dapat memberi manfaat bagi pencapaian kecemerlangan akademik.



#### **4.6 Perkaitan Antara Kefahaman Amalan Islam Dengan Pembentukan Sahsiah dan Pencapaian Kecemerlangan Akademik (PMR, SMA, persepsi terhadap kecemerlangan)**

Perkaitan terhadap kefahaman amalan Islam dengan pembentukan sahsiah dan pencapaian kecemerlangan akademik adalah sangat berkait rapat. Ini dapat dijelaskan melalui amalan-amalan Islam iaitu zikir, doa, selawat, sedekah, muhasabah diri serta qiyam al-lail adalah satu kesinambungan amalan untuk mengingati Allah. Zikir dan doa merupakan amalan lisan paling utama sesudah bacaan ai-quran. Hikmah yang dimaksudkan dari amalan-amalan Islam ini mewujudkan hubungan secara vertikal manusia dengan Allah dalam konteks hubungan menegak (*hablum min Allah*) agar manusia sentiasa dalam perlindungan, jagaan dan hidayah Allah S.W.T yang memberi kesan langsung kepada sahsiah diri pelajar.

Kestabilan dalaman dari sudut rohani yang mantap memberikan ruang kepada pelajar untuk mendapatkan ketenangan bagi menumpukan perhatian terhadap pencapaian akademik. Dapatan kajian membuktikan bahawa keputusan pencapai keputusan PMR responden berada di tahap tinggi begitu juga dengan keputusan SMA responden.

#### **4.7 Pandangan Responden Mengenai Aamalan-Amalan Islam Boleh Memberi Kesan Terhadap Sahsiah Dan Prestasi Pencapaian Kecemerlangan Akademik**

Hasil pengumpulan data dan maklumat yang telah dikumpulkan dan dianalisa ke atas 100 orang responden jelas menunjukkan hasil pandangan responden memberikan pandangan bahawa melalui amalan-amalan Islam dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar dari aspek sahsiah dan memberikan semangat terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik. Melakukan amalan-amalan Islam adalah faktor

penyumbang kepada pembentukan sahsiah dan pencapaian akademik. Ianya dapat memberi kesan positif terhadap sahsiah dan pencapaian akademik kerana dapat melahirkan pelajar yang cemerlang serta dapat membentuk pemikiran dan tingkah laku menjadi lebih baik dan solehah. Dengan itu pelajar dapat menjadi seorang yang lebih berdisplin dan mematuhi peraturan kerana diri sudah terdidik dengan amalan-amalan Islam yang telah diamalkan dalam kehidupan seharian.

Sesungguhnya amalan Islam tidak membebankan umatnya. Oleh itu sentiasalah beribadat kepada Allah kerana Allah akan sentiasa bersama orang-orang bertakwa. Di samping itu, dapat meraih redha Allah serta mudah mencapai kecemerlangan dan dapat terasa aura kekuatan apabila berhadapan dengan pelajaran yang semakin mencabar.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Kesimpulan**

Amalan-amalan Islam merupakan suatu amalan yang mulia disisi Allah Taala. Setiap amalan-amalan Islam yang dilakukan dapat mendidik diri dan terus mencintai ilmu serta dapat mencapai matlamat hidup untuk mencari keredhan Allah. Melalui amalan-amalan Islam yang diamalkan menjadikan ahklak seseorang pelajar lebih baik dan prestasi pencapaian akademik lebih cemerlang. Ianya juga sangat penting untuk membentuk sahsiah para pelajar untuk belajar dengan hati yang ikhlas dan mencapai keredhaan-Nya.

Para pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang baik khususnya dalam hal amalan-amalan Islam dan penguasaan dalam bidang ini. Ianya perlu diperkaya dan diperkukuhkan lagi sama ada secara tidak langsung melalui program-program yang disusun khas untuk tujuan ini. Kaedah pendidikan rohani perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi dan diberikan penekanan agar ianya seiring dengan kecemerlangan akademik.

Amalan-amalan Islam yang diamalkan adalah merupakan amalan sunnah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w, maka sewajarnya ianya sentiasa diterapkan dalam diri setiap pelajar. Setiap pelajar sentiasa mengharapkan satu suasana kehidupan yang tenang dan aman kerana kecemerlangan sahsiah dan kecemerlangan prestasi akademik bergantung kepada usaha daripada pelbagai sudut iaitu fizikal, mental termasuk rohani dan jasmani

## **5.2 Cadangan Untuk Meningkatkan Amalan-Amalan Islam Dalam Kalangan Pelajar Aliran Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor**

Meningkatkan amalan-amalan Islam adalah cita-cita setiap orang Islam yang beriman. Kajian ini mendapati bahawa kesedaran diri sebagai hamba Allah adalah pendorong utama kepada amalan-amalan Islam itu dapat dilakukan dengan berkesan. Oleh itu faktor-faktor yang membawa kepada keberkesanan amalan-amalan Islam perlu diutamakan untuk menghidupkan suasana amalan-amalan Islam pada diri setiap hamba Allah. Di antara cadangan untuk keberkesanan amalan-amalan Islam ialah:

1. Pembinaan persekitaran yang sentiasa mengarah kepada amalan-amalan Islam yang mudah seperti zikir, selawat, muhasabah diri dan doa.
2. Menggalakkan halaqah ilmu.
3. Memperbanyakkan program keilmuan yang berfokus kepada amalan-amalan Islam seperti membaca Al-Quran, penghayatan solat bagi meningkatkan kesedaran dan kepekaan terhadap kepentingan ibadah solat.
4. Memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dan rujukan agama di perpustakaan Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor.

5. Para Murabbi memainkan peranan penting dengan memberi bimbingan dan nasihat secara berterusan kepada pelajar.

Oleh itu, amalan-amalan Islam yang mantap akan melahirkan ummah yang kuat rohani dan jasmani. Kesan daripadanya akan melahirkan ummah yang berjaya di dunia dan akhirat serta dapat mengelakkan kerosakan moral dan akhlak seperti kebanyakan yang berlaku pada masa kini. Suasana ummah mutakhir ini sedang mengalami keruntuhan akhlak yang diakui dengan jelas oleh pemikir Islam yang terawal diabad ini, Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi. Menurut beliau, kegagalan terakhir yang dideritai oleh umat ini adalah kegagalan dalam pendidikan keimanan dan pendidikan akhlak sehingga muncul ditengah-tengah ummah tindakan-tindakan menyimpang dari nilai-nilai yang menjadikan umat Islam sebagai umat yang terbaik.

Amalan Islam ini perlu diperkukuhkan untuk melahirkan bakal-bakal murabbi yang memiliki kecerdasan rohani yang tinggi. Ini amat penting kerana murabbi adalah pendidik umat yang akan datang serta pembentuk masyarakat yang cemerlang gemilang dan terbilang sama ada dari aspek sahsiah mahupun akademik.

## RUJUKAN

1. Al-Quran Al-Karim
2. Muhammad Abdul Latif (2001). *Solat Kesannya Keatas Iman dan Nafs*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.
3. Yusuf Al Qardhwi. 2005. *Ibadah dalam Islam*. Akhbar Media Eka Saran : Jakarta
4. Al Ghazali . *Ihya ' Ulumuddin*. Pustaka Antara : Kuala Lumpur.
5. Mohd Arshad ( 1999). *Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah*. Penulisan Ilmiah.
6. Haron Din. 2008. *Islam Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. PTS Millennia Sdn. Bhd : Batu Cave Selangor
7. Ibn Qayyim Al Jauziyyah. 2001. *Penyakit Rohani dan Penyembuhannya*. Perniagaan Jahabersa : Johor Bahru, Johor
8. Muhammad D. Sense (2006). *Quranic Quotient Membentuk Kecerdasan Daripada Quran*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
9. Tan Yeow Kwai. (1996) *Pendidikan Moral 1: Konsep dan Program Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

BORANG SOAL SELIDIK

**TAJUK KAJIAN**

**AMALAN-AMALAN ISLAM DAN KESANNYA TERHADAP  
PELAJAR ALIRAN AGAMA.**

*Kajian Kes Di Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat Johor.*

*Salam Sejahtera,*

Tuan / Puan telah di pilih untuk menjawab soalan-soalan di dalam borang soal kaji selidik ini. Jawapan yang teliti, jujur dan benar amatlah diharapkan untuk menjayakan penyelidikan ini. Segala jawapan akan dirahsiakan dan hanya untuk kegunaan kajian sahaja. Kerjasama dan masa yang tuan / puan luangkan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

OLEH :

**KHAIRIAH BINTI SULAIMAN 670423-01-5224  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM  
(PEMGURUSAN ISLAM) DENGAN KPUJIAN**

**PENYELIA :**

**ENCIK NIK KAMAL BIN WAN MUHAMMED**

## BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDAN

ARAHAN : Sila isikan maklumat diri anda diruangan yang disediakan.

1. Jantina:

Lelaki ( )

Perempuan ( )

2. Umur : -----

3. Kedudukan responden dalam keluarga :

Anak sulung ( )

Anak bongsu ( )

Lain-lain -----

4. Keturunan

Melayu ( ) India ( )

Cina ( ) Lain-lain -----

5. Bilangan isi rumah yang tinggal dalam rumah ( termasuk responden): \_\_\_\_\_ orang

6. Tahap pendidikan Agama:

Secara Formal ( )

Tidak Formal ( )

7. Apakah status pekerjaan Ibu/bapa atau penjaga:

Kakitangan kerajaan ( ) Ahli Perniagaan/ bekerja sendiri ( )

Kakitangan swasta ( ) Suri Rumah ( )

Bekerja sendiri ( ) Persara ( )



8. Pendapatan Ibu/bapa atau penjaga:

Bawah RM 1000	( )	RM1001-RM2000	( )
RM2001-RM3000	( )	RM3001-RM4000	( )
RM4001-RM5000	( )		

9. Pencapaian Peperiksaan Menengah Rendah ( PMR )

9A - 7A	( )	6A - 4A	( )
3A - 1A	( )	Lain-lain	.....

10. Pencapaian Sijil Menengah Rendah Agama ( SMRA )

Mumtaz Sofi	( )	Mumtaz	( )
Jayid Jiddan	( )	Jayid	( )

## B. KEFAHAMAN TERHADAP AMALAN-AMALAN ISLAM

**PANDUAN :** Sila bulatkan jawapan berdasarkan skala yang disediakan bagi menentukan pendapat anda terhadap soalan yang telah disediakan oleh penyelidik ini.

### TANGGAPAN

**5 Sangat Faham**

**4 Faham**

**3 Kurang Faham**

**2 Tidak Faham**

**1 Sangat Tidak Faham**

### TANGGAPAN

1	Mengerjakan solat wajib	1	2	3	4	5
2	Mengerjakan puasa wajib	1	2	3	4	5
3	Amalan solat sunat	1	2	3	4	5
4	Amalan puasa sunat	1	2	3	4	5
5	Amalan solat berjamaah	1	2	3	4	5
6	Amalan membaca Al-Quran	1	2	3	4	5
7	Amalan berzikir	1	2	3	4	5
8	Amalan berselawat	1	2	3	4	5
9	Amalan sedekah	1	2	3	4	5
10	Bermuhasabah diri	1	2	3	4	5
10	Qiamullail	1	2	3	4	5
11	Berdoa	1	2	3	4	5

C. **KEBERKESANAN AMALAN-AMALAN ISLAM TERHADAP SAHSIAH TINGKAHLAKU DAN PENCAPAIAN PRESTASI AKADEMIK**

PANDUAN : Sila tandakan jawapan ( / ) berdasarkan skala yang disediakan bagi menentukan pendapat anda terhadap soalan yang disediakan oleh penyelidik ini.

**TANGGAPAN**

**1 Setuju**

**2 Sangat setuju**

**3 Tidak Setuju**

**TANGGAPAN**

**A : SAHASIAH**

- |  |   |   |   |
|--|---|---|---|
| 1. Melakukan amalan-amalan Islam dengan hati yang penuh ikhlas   | 1 | 2 | 3 |
| 2. Amalan-amalan Islam dapat membentuk tingkahlaku sahsiah yang sempurna.                                    | 1 | 2 | 3 |
| 3. Amalan-amalan Islam dapat membentuk diri dengan bedisplin dalam kehidupan seharian.                       | 1 | 2 | 3 |
| 4. Punca keruntuhan akhlak disebabkan tidak mengamalka amalan-amalan Islam dengan sempurna.                  | 1 | 2 | 3 |
| 5. Ketenangan hati akan diperolehi dari pengalaman amalan-Amalan Islam secara Istiqamah.                     | 1 | 2 | 3 |
| 6. Amalan-amalan Islam yang dilakukan setiap hari dapat melahirkan Sifat bantu-membantu dan berkasih sayang. | 1 | 2 | 3 |

- |  |   |   |   |
|--|---|---|---|
| 7. Mendorong diri untuk bertanggungjawab terhadap setiap kewajiban Yang telah diamanahkan. | 1 | 2 | 3 |
| 8. Merasakan diri hamper kepada Allah untuk memohon pertolongan untuk memohon pertolongan. | 1 | 2 | 3 |
| 9. Amalan –amalan Islam yang diamalkan membebaskan diri sendiri                            | 1 | 2 | 3 |
| 10. Pengamalan amalan-amalan Islam boleh menjejaskan rohani seseorang.                     | 1 | 2 | 3 |

**B : AKADEMIK**

- |  |   |   |   |
|--|---|---|---|
| 1. Pencapaian prestasi akademik meningkat dengan pengamalan amalan-amalan Islam yang dilaksanakan oleh pelajar secara berterusan.  | 1 | 2 | 3 |
| 2. Mengamalkan pembacaan Al-Quran setiap hari dapat menceerdaskan akal dan menguatkan daya ingatan terhadap pelajaran.             | 1 | 2 | 3 |
| 3. Setiap amalan-amalan Islam yang diamalkan boleh mengganggu situasi pembelajaran.  | 1 | 2 | 3 |
| 4. Kepuasan hati akan dirasai setelah pencapaian prestasia kademik Cemerlang hasil dari mengamalkan amalan-amalan Islam berterusan | 1 | 2 | 3 |
| 5. Mempunyai masa dan ruang yang cukup untuk membuat amalan-Amalan Islam tanpa mengganggu sesi pembelajaran                        | 1 | 2 | 3 |
| 6. Sanggup berusaha sehingga mencapai kecemerlangan diri tanpa ada sifat putus asa.  | 1 | 2 | 3 |
| 7. Menggunakan kekuatan rakan sebaya bagi memperbaiki kelemahan diri apabila melakukan amalan-amalan Islam secara berjamaah        | 1 | 2 | 3 |

8. Matlamat dan tujuan untuk mencapai kecemerlangan akademik sentiasa didorong oleh keyakinan kesungguhan hati yang tenang. 1 2 3
9. Kitalah yang menjadi penentu kepada kecemerlangan akademik dengan melakukan usaha dari pelbagai sudut iaitu fizikal, mental termasuk rohani dan Jasmani. 1 2 3
10. Sanggup mengorbankan masa dan menggunakan Seluruh tenaga untuk melakukan amalan-amalan Islam Demi mencapai kecermalangan akademik. 1 2 3

#### D. CADANGAN DAN PANDANGAN PELAJAR

Nayakan pandangan anda tentang amalan-amalan Islam member kesan sahsiah dan prestasi pencapaian akademik.

---

---

---

-----TERIMA KASIH-----

